

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 33

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah kenderaan-kenderaan ambulans baru yang dipohon oleh Klinik Kesihatan di Jalan Perak, Jelutong Pulau Pinang dibekalkan oleh pihak Kementerian.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa memantau keperluan ambulans di seluruh negara bagi hospital dan klinik kesihatan.

Klinik Kesihatan Jalan Perak mempunyai sebuah kenderaan ambulans yang diterima pada tahun 2005 tetapi telah dilupuskan pada bulan Februari 2018. Walaupun tiada ambulans di Klinik Kesihatan Jalan Perak, panggilan kecemasan di sekitar kawasan operasi menggunakan ambulans dari Klinik Kesihatan Air Itam dan dirujuk ke Hospital Pulau Pinang yang jarak 2.5 km sehala. Sekiranya tiada ambulans dari klinik berdekatan, ambulans dari Hospital Pulau Pinang akan membantu.

Keperluan ambulans bagi Klinik Kesihatan Jalan Perak telah disenaraikan dalam keutamaan pengagihan ambulans pada masa akan datang bagi menggantikan ambulans yang telah dilupus.

Sekian, terima kasih.